

# BERSEPAKAT MENDAULATKAN BAHASA MELAYU

Apabila semakin hari semakin banyak pihak memperkatakan nasib, maruah, pengaruh, dan masa depan bahasa Melayu di tanah air sendiri, mungkin kita cenderung bertanya sekurang-kurangnya kepada diri sendiri, "Adakah cukup hanya undang-undang dan perlembagaan negara berperanan sebagai alat untuk meletakkan bahasa Melayu pada kedudukan yang wajar?" Soalan tersebut sebenarnya sukar dijawab dengan tepatnya. Namun demikian, sekiranya kita berfikir secara mudah dan melihat persoalan itu hanya sekali imbas, mungkin kita lebih cenderung mengeykannya.

Mengapa saya mempunyai tanggapan demikian? Sebenarnya kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Malaysia, pada umumnya, tidak mengalami sebarang gugatan sekiranya kita

melihat isu ini hanya dari sudut undang-undang. Ada sekurang-kurangnya dua sebab saya berkata demikian. Yang pertama, bahasa Melayu telah diberi jaminan oleh Perlembagaan Persekutuan, iaitu melalui Perkara 152. Yang kedua, kerajaan telah pun menggubal Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang juga dikenali sebagai Akta 32. Fungsi



Penerbitan berbahasa Melayu berperanan mendaulatkan bahasa itu.

kedua-dua perkara itu tidak lain daripada memastikan bahasa Melayu terpelihara kedudukannya sebagai bahasa yang paling tinggi martabatnya di negara ini dan wajib dihormati oleh keseluruhan rakyatnya.

Sungguhpun demikian, dari sisi pemikiran yang lain, berkemungkinan besar kita menjadi lebih cenderung untuk memberikan jawapan yang berbeza daripada jawapan yang diujarkan tadi. Dengan perkataan yang lain, kita mungkin tidak bersetuju bahawa undang-undang atau perlembagaan yang sedia ada itu sudah memadai untuk dijadikan sebagai alat bagi memartabatkan bahasa kebangsaan. Kita mungkin percaya bahawa ada perkara lain yang sepatutnya turut diberi perhatian bagi menjawab semua persoalan yang berkaitan dengan

nasib, maruah, pengaruh, dan masa depan bahasa kebangsaan di bumi bertuah ini.

Perubahan sudut pandang, atau dengan perkataan yang lain keyakinan yang baharu, itu timbul berikutan berleluasanya usaha pihak tertentu "menyindir dan memperlekeh" kemuliaan bahasa kebangsaan secara terang-terangan. Sikap tidak bertanggungjawab pihak yang berkenaan bukan setakat mendapat reaksi pejuang bahasa dan rakyat yang prihatin, malah turut dilihat dengan penuh kebimbangan oleh sebahagian daripada pihak istana di negara ini.

Fakta tersebut terserlah apabila baru-baru ini Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, menegur orang Melayu berhubung dengan sikap mereka membelakangkan kepentingan bahasa Melayu dalam



Prof. Dato' Dr. Teo Kok Seong dan Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh gelisah melihat kedudukan bahasa Melayu kini.

kehidupan harian. Perkara itu mendapat liputan yang meluas daripada pelbagai media di negara ini dan diperkatakan dalam suatu tempoh yang agak lama. Sekiranya kita melakukan sorotan yang rinci, kita akan mendapati bahawa teguran baginda tentang perkara ini sebenarnya bukanlah kali pertama dilakukan. Namun begitu, teguran kali ini lebih rinci dan berfokus. Hal yang sedemikian itu membayangkan bahawa bahasa bukan perkara sampingan di sesebuah negara yang berdaulat.

Yang menariknya, teguran tersebut cepat mendapat respons pejuang bahasa Melayu, termasuklah Ketua Kluster Sejarah, Warisan, dan Sosiobudaya Majlis Profesor Negara, Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong. Beliau, antara lainnya, menegaskan bahawa persoalan jati diri sebenarnya sama pentingnya dengan kewujudan undang-undang dan peraturan

dalam usaha memperkukuh kedudukan bahasa Melayu.

Saya sangat bersetuju dengan pandangan tokoh bahasa Melayu itu yang disiarkan oleh *Mingguan Malaysia* pada 9 Oktober 2016 kerana sepanjang pengamatan tentang isu ini, didapati bahawa rata-rata rakyat Malaysia dan yang lebih malang lagi, orang Melayu sendiri, seolah-olah tidak berasa jijik, tidak berasa bersalah, malah tiada tanda mereka mahu "bertaubat" daripada kebiasaan melakukan pencabulan terhadap bahasa Melayu.

Kata-kata tersebut mungkin keras, tetapi sangat berpadanan. Hujahnya begini – sekiranya kita memerhatikan penggunaan bahasa sebahagian besar daripada rakyat negara ini melalui alat perhubungan masa ini, seperti ruang khidmat pesanan ringkas serta aplikasi WhatsApp, sudah pastilah kita tidak akan berasa ragu lagi untuk mengatakan betapa teruknya hakisan dan pencabulan yang dialami oleh bahasa Melayu.



Dalam konteks ini, hakisan tersebut terdapat dalam dua bentuk pencabulan. Pelanggaran pertama berlaku dari segi penggunaan bahasa asing yang bercampur baur dengan bahasa Melayu secara meluas dan seperti disengajakan. Pelanggaran kedua pula berlaku dari aspek penggunaan bahasa Melayu yang kelihatan disalahkan dengan cara yang sengaja, malah sangat melampau, sama ada dari segi morfologi yang merangkum kosa kata, kata pinjaman, dan istilah, dari segi sintaksis yang merangkum binaan atau struktur ayat, ataupun dari segi sistem bahasa yang merangkum imbuhan, ejaan, keselarasan vokal, hukum D-M dan tanda baca. Hal itu diburukkan lagi oleh kecenderungan pihak yang tertentu menggunakan bahasa slanga, bahasa pasar, bahasa daerah, dan pelbagai bahasa picians yang lain dengan mudah, gelejoh, dan sembrono dengan cara yang berleluasa.

Hal yang sedemikian itu juga berleluasa dalam ruang media sosial popular, umpamanya Facebook, Twitter, dan blog,

dan alat perhubungan separuh rasmi, seperti mel elektronik. Sebenarnya yang terlibat dengan fenomena kurang baik ini bukan setakat masyarakat bawahan, malah berleluasa dalam kalangan penjawat awam, kakitangan sektor swasta dan orang terpelajar.

Sungguhpun begitu, yang paling menakutkan pencinta dan pejuang bahasa ialah pencabulan terhadap bahasa Melayu juga datang daripada kalangan pembuat dan penentu dasar serta sebahagian daripada individu dalam kalangan pemimpin. Kadangkala mereka menggunakan bahasa yang bercelaru dalam situasi rasmi sehingga meninggalkan tanda tanya dalam diri kita tentang sejauh mananya mereka itu memahami aspirasi negara dalam aspek pembinaan negara bangsa yang kekar identiti dan jati dirinya.

Istu jati diri dan kaitannya dengan penggunaan bahasa Melayu ini pernah saya bincangkan dengan pensyarah Jabatan Pengajian Bahasa, Universiti Utara Malaysia, Azmi Rahman, di Kuala Terengganu tidak lama dahulu. Dalam perbincangan itu, beliau, yang merupakan sasterawan siber, menzahirkan keyakinan bahawa aspek kesedaran perlu diberi penekanan kerana dengan cara itu, barulah timbul perasaan cinta akan bahasa Melayu dalam diri rakyat negara ini. Baginya, tiada maknanya negara kita mencapai kemajuan dari segi fizikal, tetapi kita mempunyai modal insan yang rapuh dari aspek kebudayaan, khususnya kebahasaan. Oleh sebab itu, kata Azmi, kemajuan fizikal perlulah bergerak seiring dengan kemajuan dari segi modal insan.

Pandangan yang hampir serupa juga dikemukakan oleh Sasterawan Negara, Muhammad

Haji Salleh, ketika beliau membentangkan kertas kerja dalam Wacana Ilmuwan Negara di Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Kuala Terengganu, pada 16 September 2015. Dalam ucapannya, beliau, dengan tegasnya, menyarankan semua pihak memberikan keutamaan kepada bahasa Melayu dalam sebahagian besar keadaan, selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi negara kita. Ketika menjawab beberapa kemusykilan dan usulan saya dalam sesi santai selepas berakhirnya program berkenaan, beliau ternyata sangat resah melihat fenomena peminggiran terhadap bahasa Melayu, terutama rakyat negara ini, khususnya orang Melayu serta golongan terpelajar.

Pada penghujung sesi santai itu terpancar harapan beliau agar kedaulatan bahasa Melayu dikembalikan ke tempat yang sepatutnya. Harapan itu saya kira selaras benar dengan perjuangan beberapa buah institusi, termasuklah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Persatuan Penulis Nasional Malaysia, dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia. Sebagai warganegara yang menjunjung kesemua prinsip Rukun Negara, secara diam-diam, saya mengaminkan harapan tersebut dengan sepenuh hati.

Sungguhpun begitu keadaannya, sebagaimana inti kata Kok Seong dalam *Mingguan Malaysia*, harapan itu kelihatan masih samar kerana saiz hakisan yang dialami oleh bahasa Melayu kian membesar dan merebak daripada individu kepada individu, daripada satu pihak kepada satu pihak, daripada organisasi kepada organisasi, dan daripada kementerian kepada kementerian

dengan pantas. Hakisan itu pula melarat dari satu aspek kepada aspek yang lain tanpa kekangan yang sewajarnya, seumpama sekawan burung terbang bebas.

Adakah hal ini merupakan gambaran sebenar dunia tentang pandangan bangsa Melayu? Adakah hal ini juga perspektif rakyat Malaysia umumnya? Dalam hubungan ini, ada kemungkinan kata-kata Abdullah Munshi yang terungkap pada abad ke-19 dahulu tidak mampu kita sanggah. Menurutny, "Orang Melayu ini belum sedar akan dirinya, ia tinggal dalam bodohnya oleh sebab tidak mahu belajar bahasanya sendiri."

Sampai bilakah keadaan sebegini mahu dibiarkan berterusan? Tidakkah kita sebagai rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu, mahu melaksanakan perubahan ke arah yang lebih baik? Segala-galanya terpulung kepada akal dan keyakinan diri kita sendiri, bak kata peribahasa, "tepuk dada tanya selera!" <sup>DB</sup>



DBP menggunakan Ujana Buku untuk menjual buku terbitannya di seluruh pelosok negara.